

31 DEC 2000

Mahathir-Formula

FORMULA MALAYSIA BERJAYA SATUKAN SEMUA KAUM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Dengan ketibaan tahun 2001, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat mengetepikan semua tuntutan yang bersifat perkauman dan terus mempertahankan formula perpaduan yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara demi menjayakan Wawasan 2020.

"Pada permulaan tahun, abad dan alaf baru ini, marilah kita semua ketepikan tuntutan yang tidak mungkin dapat diterima oleh masyarakat berbilang kaum, marilah kita kembali kepada kesederhanaan dan toleransi yang telah membawa keamanan dan kemakmuran kepada kita dan negara kita," kata Perdana Menteri,

Dalam perutusan tahun barunya yang disiarkan melalui radio dan televisyen malam ini, Dr Mahathir berkata jika rakyat terus berpegang kepada formula yang dibentuk setengah abad dahulu, Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan.

Tidak ada keperluan bagi Malaysia membentuk dasar atau formula baru untuk menstabil, mengaman serta memajukan negara.

Adalah jelas formula yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T.Sambanthan yang diterima pakai dan disesuaikan oleh pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah amat mustajab bagi Malaysia, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin yang memegang teraju selepas pengasas-pengasas negara hanya perlu memberi makna dan mengisi formula Malaysia yang telah dicipta dan dipersetujui semasa negara memperjuangkan kemerdekaan.

"Memandangkan kejayaan formula ini apakah kita mahu menggugurkannya dan mencipta formula lain atas desakan mana-mana pihak yang mendakwa formula yang sudah kita amalkan selama 43 tahun adalah tidak adil dan memihak kepada kaum tertentu sahaja?"

"Apakah kita sanggup mengancam kestabilan dan kemajuan negara dan mungkin merosakkan masa depan kita kerana mana-mana pihak ingin mendapat semua yang dituntut oleh mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata formula yang telah digunakan begitu berkesan dan dapat dipakai dengan pengorbanan minima sahaja oleh rakyat "walaupun memang ada sedikit kepincangan tetapi tidaklah lebih daripada yang terdapat dalam mana-mana negara di dunia."

Beliau berkata ramai yang meramalkan di waktu negara mencapai kemerdekaan bahawa Malaysia tidak mungkin stabil dan maju kerana kaum-kaumnya terpisah dan berbeza daripada segi kemajuan tempat tinggal dan aktiviti hidup tetapi dunia mengakui Malaysia dapat berada dalam keadaan aman dan pembangunan pesat seperti yang dikecapi hari ini.

"Kaum-kaum di Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman dan damai kerana pemimpin kaum-kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan menggubal dasar asas negara adalah orang yang sederhana yang ingin melihat semua kaum mendapat tempat yang sewajarnya dalam negara yang bertuah ini.

"Mereka tidak keterlaluan dan amat bertimbang rasa dan mereka menolak tekanan daripada pihak yang keterlaluan daripada kaum masing-masing dan memilih untuk melayan hak semua kaum secara adil," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata akibat tidak semua rakyat faham akan kebijaksanaan pengasas-pengasas negara, maka berlaku peristiwa 13 Mei 1969 dan berikutan itu pemimpin pada masa itu mengambil iktibar membentuk dasar yang lebih berkesan bagi memberi makna kepada persefahaman yang telah dicapai oleh pengasas-pengasas negara.

Perdana Menteri berkata konsep kerjasama "give and take" antara kaum yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara adalah satu konsep atau formula yang mustajab sehingga ramai dari dalam dan luar negara cuba menirunya.

"Tetapi mereka dalam negara yang cuba menirunya tidak mempunyai keikhlasan dan niat yang sama. Seperti kata penjenaka, mereka tidur satu bantal tetapi mimpi berlainan. Pengamal asal konsep kerjasama antara kaum mempunyai cita-cita yang sama iaitu untuk berlaku adil kepada semua. Rakyat yang ingin kepada kestabilan dan kemakmuran negara tentulah kenal yang mana kaca dan yang mana permata," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan yang ideal dan yang terbaik yang boleh diadakan ialah apabila tidak ada satu kaum pun yang berpuashati dengan keadaan mereka kerana jika mana-mana kaum mendapat semua yang dituntut tanpa membuat apa-apa pengorbanan, maka sudah tentu kaum lain akan rugi dan tidak akan mendapat hak yang sewajarnya bagi mereka.

"Dalam masyarakat berbilang kaum jika perseimbangan menjadi terlalu buruk, mungkin berlaku ketegangan dan rusuhan kaum dan jika rusuhan berlaku yang menuntut bukan sahaja tidak akan mendapat apa yang dituntut, tetapi yang sudah diperolehi pun mungkin musnah dan kita semua akan mengalami kerugian besar," katanya.

Dr Mahathir berkata ada juga pihak yang cuba mendapatkan tuntutan mereka dengan melakukan pemberontakan bersenjata dan melakukan sesuatu yang tidak pernah dilihat di negara ini apabila mereka menangkap, menyeksa dan membunuh orang yang tidak seagama dengan mereka.

"Mereka sudah lupa bahawa penganas Komunis Malaya telah mencuba selama 43 tahun (1948-1990) untuk menjatuhkan kerajaan Malaysia, tetapi gagal. Apakah mereka percaya dengan pasukan kecil mereka, mereka boleh berjaya? Apakah mereka yakin rakyat akan menyokong keganasan mereka," tanya Dr Mahathir.

Tapi di sebalik itu, beliau berkata majoriti rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa adalah terdiri daripada orang yang sederhana dan mereka hanya mahu keamanan yang membolehkan mereka hidup selesa dan dapat bekerja serta berniaga.

Perdana Menteri berkata, dalam demokrasi rakyat adalah pengadil dan rakyat juga akan merasai kesan dan hasil daripada pengadilan yang dibuat oleh rakyat sendiri.

"Sebagai pengadil rakyat mesti tenang dan membuat penilaian dengan hati yang terbuka. Sentimen dan emosi tidak boleh dibenarkan mempengaruhi pertimbangan oleh pengadil. Perasaan marah tanpa sebab tidak mungkin menghasilkan pengadilan yang bijak. Kesilapan pengadilan akan dipikul oleh pengadil. Apabila negara sudah hancur, memulihkannya semula amatlah sukar," katanya.

Perutusan Dr Mahathir turut menyentuh pembangunan pesat negara di sepanjang 43 tahun merdeka sehingga meletakkan negara di peta dunia termasuk pembangunan Kuala Lumpur, bangunan-bangunan pencakar langit, pembangunan bandar, sistem pengangkutan, Menara Berkembar Petronas, Sukan Komanwel KL dan pembangunan infrastruktur.

Beliau berkata, peralihan Malaysia kepada ekonomi berasas industri pembuatan berjaya membangunkan ekonomi negara sehingga pendapatan per kapita AS\$300 pada waktu kemerdekaan kini meningkat hampir AS\$4,000.

"Walaupun pendapatan per kapita ini rendah berbanding dengan negara-negara maju, tetapi oleh kerana kos sara hidup kita rendah, di Malaysia dengan AS\$4000 kita boleh membeli barangan dan khidmat bersamaan dengan lebih kurang AS\$10,000 di Amerika Syarikat umpamanya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata bagi mempercepatkan pembangunan, pendapatan kerajaan tidak mencukupi tetapi meminjam terutama dari luar negeri adalah pendekatan yang tidak bijak, lantaran kerajaan memilih penswastaan.

"Oleh kerana kita tidak meminjam, maka kejatuhan nilai Ringgit kita semasa kegawatan tidak menekan kita terlalu sangat. Sebaliknya penswastaan telah membolehkan kita membina beribu-ribu batu lebuhraya, loji air, penjanakuasa elektrik dan kemudahan-kemudahan lain dengan lebih cepat dan diuruskan lebih cekap dengan keuntungan yang lebih besar," katanya.

Perdana Menteri berkata daripada satu universiti sahaja, kini terdapat 14 buah universiti kerajaan dan berpuluh universiti dan institusi pengajian tinggi swasta.

Dr Mahathir berkata walaupun ramalan orang asing ialah ekonomi Malaysia akan hancur kerana tidak mengikut telunjuk pakar-pakar ekonomi di dunia, tetapi pertumbuhan ekonomi negara selepas kegawatan adalah jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi negara-negara lain yang diserang oleh penyangk mata wang.

"Hari ini peniaga, pengusaha dan pemaju Malaysia terkenal dan dijemput untuk melabur dan membangunkan negara-negara lain. Ramai pakar-pakar ekonomi Malaysia diundang untuk memperbaiki ekonomi dan merancang pembangunan negara-negara tertentu yang kagum dengan kejayaan pembangunan dan kemajuan Malaysia," katanya.

Beliau memberikan contoh kejayaan Petronas, yang pernah disenaraikan sebagai syarikat yang teruntung sekali di dunia dalam Fortune 500 (lima ratus syarikat terkemuka di dunia) kini mengeluarkan minyak di Syria, Sudan dan Vietnam, serta memasang paip gas dan minyak sehingga di Argentina.

Dr Mahathir berkata kini Malaysia menjadi tumpuan industri IT dalam Koridor Raya Multimedia dan akan menjadi pusat kecemerlangan untuk pendidikan bagi dunia dengan penuntut dari Asia Tenggara, Afrika dan Eropah sudah mula menuntut di universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Beliau berkata, walaupun ada kumpulan yang tidak mendapat layanan istimewa bagi diri mereka, sebenarnya kemajuan mereka melebihi sasaran yang ditentukan kerana orang yang cerdik, rajin dan memiliki modal tidak dapat disekat kemajuan mereka.

"Justeru itu mereka terus maju dengan pesatnya dan mencapai bahagian mereka dengan lebih awal. Sebaliknya kumpulan yang lemah tetap jauh di belakang dan belum mencapai sasaran yang ditentukan bagi mereka, walaupun sasaran ini lebih rendah daripada peratusan mereka," katanya.